

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.05.2016

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana proses pencegahan pengubahan wang haram oleh bank-bank tempatan dilakukan serta namakan bank-bank yang didapati melanggar Akta Anti Pengubahan Wang Haram setiap tahun sejak 2013, jumlah masing-masing yang terlibat dan bentuk hukuman yang dikenakan ke atas setiap bank tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram,

Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLA) pada tahun 2001 yang antara lain menggariskan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil oleh pelbagai pihak yang dikategorikan sebagai institusi-institusi pelapor (*reporting institutions*) termasuk bank-bank yang beroperasi di Malaysia untuk membanteras kegiatan jenayah ini.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan Garis Panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan - Sektor 1 (Garis Panduan) pada September 2013 untuk memperuntukan langkah-langkah pencegahan ke atas institusi perbankan seperti mana yang digariskan di dalam AMLA.

Antara langkah-langkah pencegahan yang digariskan di bawah AMLA adalah:

- Pelaksanaan prosedur usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*) dalam mengadakan hubungan perniagaan;
- Obligasi laporan transaksi melebihi amaun yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib dan laporan transaksi mencurigakan;
- Pembangunan dan pelaksanaan sistem dan operasi, polisi, tatacara dan kawalan dalaman bagi mengelakkan dan mengesan apa-apa kesalahan di bawah AMLA; dan
- Penyimpanan rekod transaksi selama tempoh sekurang-

kurangnya enam tahun dari tarikh akaun ditutup atau hubungan perniagaan dibatalkan.

Sebarang kegagalan bank-bank yang beroperasi di Malaysia untuk melaksanakan obligasi institusi-institusi pelapor seperti mana yang digariskan di dalam AMLA dan Garis Panduan akan menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas institusi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2013 sehingga 2015, sebanyak 18 bank telah didapati tidak mematuhi peruntukan di bawah AMLA. Jumlah kompaun yang dikenakan ke atas bank-bank berkenaan dalam tempoh tersebut berjumlah RM63.72 juta seperti berikut:

Tahun	Bilangan Bank	Jumlah Kompaun (RM Juta)
2013	2	0.70
2014	11	4.37
2015	5	58.65
Jumlah	18	63.72

BNM sentiasa meningkatkan usaha untuk memantau dan mengawalselia bank-bank di Malaysia demi memastikan kepatuhan terhadap kehendak pelaporan (*reporting obligations*) yang digariskan di dalam AMLA dan Garis Panduan.